

18 JUL 1999

SABBARUDDIN SERAH KEPADA PIMPINAN TENTUKAN PENCALONANNYA

TEMERLOH, 18 Julai (Bernama) -- Bekas Setiausaha Agung Umno Datuk Sabbaruddin Chik hari ini berkata sama ada beliau akan mempertahankan kerusi Parlimen Temerloh yang diwakilinya sejak 1982 akan ditentukan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Soal sama ada saya akan menawarkan diri tidak timbul kerana kita menyerahkan kepada pucuk pimpinan parti untuk menentukan," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat khas Umno Bahagian Temerloh di sini bagi membuat persediaan menghadapi pilihanraya akan datang.

Umno bahagian itu juga menyediakan jawatankuasa kerja di peringkat Parlimen yang diketuai oleh Sabbaruddin sendiri selaku Anggota Parlimen Temerloh dan Ketua Umno bahagian.

Bagi peringkat Dewan Undangan Negeri pula, jawatankuasa kerja pilihan raya diketuai oleh wakil rakyat yang ada sekarang iaitu Datuk Sarit Yusoh (Semantan), Datuk Abdul Malik Ismail (Bera) dan Hayani Abdul Rahman (Guai).

Sabbaruddin berkata Umno Temerloh akan memastikan kemenangan Barisan Nasional dengan syarat calon yang terpilih merupakan mereka yang mempunyai sokongan.

"Setakat ini, mengikut bahagian (Umno Temerloh), kita berharap yang ada kekal semua. Malah menurut Pemuda dan Wanita, mereka masih berharap Ahli Parlimen terus bertanding," katanya.

Dalam rombakan kabinet baru-baru ini, beliau digantikan sebagai Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan oleh Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir. Pada masa yang sama jawatannya sebagai Setiausaha Agung Umno diambil alih oleh Tan Sri Khalil Yaakob.

-- BERNAMA

ZY MAI